

07 OCT 1999

SHIRLEY BASSEY MENYANYI PADA MAJLIS F1

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Shirley Bassey, yang menyanyikan lagu tema untuk tiga buah filem James Bond, akan menjadi tarikan utama pada majlis Makan Malam Formula 1 yang akan diadakan di Grand Ballroom, Hotel Mandarin Oriental di sini pada 14 Okt.

Bassey yang sudah berkecimpung dalam dunia seni suara selama lebih 40 tahun dan mencapai kemasyhuran kerana lagu-lagu hit seperti "Kiss Me Honey, Honey Kiss me" dan "What Now My Love", akan muncul buat kali pertamanya di Malaysia pada majlis itu.

Penyanyi itu akan menghiburkan para tetamu yang terdiri daripada tokoh-tokoh terkemuka Malaysia dan pemandu terbaik dunia serta pengurus masing-masing yang berkumpul di sini untuk F1 Petronas Grand Prix Malaysia, kata kenyataan daripada penganjur majlis makan malam itu.

Tempahan masih dibuka untuk majlis eksklusif itu pada harga RM30,000 bagi setiap meja 10 orang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menjadi tetamu kehormat pada majlis itu yang diadakan sempena acara lumba kereta paling berprestij di dunia itu yang akan berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang pada 15-17 Okt.

Acara lain termasuk persembahan kebudayaan oleh badan kesenian Petronas dan persembahan muzik oleh kumpulan Kuala Lumpur Quartet.

Tempahan boleh dibuat melalui BN Communications Sdn Bhd dengan menghubungi tel: 03-255-7933.

-- BERNAMA

AU NMO